

WARISAN  
EKONOMI  
MAHATHIR

595  
M

JOMO K.S.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
S.A. (P) 1994  
KUALA LUMPUR



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# WARISAN EKONOMI MAHATHIR

JOMO K.S.



PUSTAKA PERDANA



1008419

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Diterbitkan oleh:

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
No. 1 & 3, Jalan 3/91A  
Taman Shamelin Perkasa, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92856577  
Fax: 03-92846554/92875763  
laman web: [www.mybooks.com.my](http://www.mybooks.com.my)

© Jomo K. S.

Terbitan Pertama 2010

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-  
dalam-Penerbitan

Jomo K. S. (Jomo Kwane Sundaram), 1952-  
Warisan ekonomi Mahathir / Jomo K. S..

Bibliografi: ms. 256

ISBN 978-967-61-2386-2

1. Mahathir bin Mohamad, Tun, 1925-.
2. Leadership. 3. Malaysia--Economic conditions.
4. Malaysia--Politic and government.
5. Malaysia--Foreign relations. I. Judul  
330.9595

Dicetak oleh:

PRIN-AD SDN. BHD.

No. 27-29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# Kandungan

<i>Penghargaan</i>	vii
1. Pengenalan: Warisan Ekonomi Mahathir	1
2. Dasar Baru Kerajaan – <i>Mahathir Mohamad</i>	37
3. Dasar Pandang ke Timur	41
4. Dasar Pandang ke Timur – <i>Mahathir Mohamad</i>	49
5. <i>Sogossha</i> ala Malaysia	54
6. Perkembangan Undang-undang serta Dasar Buruh	60
7. Dasar 70 Juta Penduduk	63
8. Dasar Pertanian Negara, 1984	67
9. Industri Berat	74
10. Saga Proton	82
11. Pelan Induk Perindustrian	92
12. Kerjasama Serantau Asia Timur	99
13. Penswastaaan untuk Siapa?	103
14. Akibat Penswastaaan di Malaysia	114
15. Penyelewengan dalam Penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan	138
16. Kegagalan Pasaran Timah	143
17. 'Menyelamatkan Kroni': Daripada Penswastaaan kepada Pemiliknegara Semula	154
18. Wawasan 2020: Jalan Menuju ke Hadapan	163
19. Wawasan 2020: Jalan ke Depan?	176
20. Pelaburan Malaysia di Luar Negeri	184
21. Pengagihan Semula Ekonomi	190
22. Pengaliran Modal dan Krisis	200
23. Krisis Semakin Meruncing	205
24. Masa Depan Dasar Ekonomi Baru	212

25. Mengapa Perlu Kawalan Modal? – <i>Mahathir Mohamad</i>	217
26. Apakah Kawalan Modal Berkesan?	227
27. Anwar Menentang Mahathir?	230
28. Penggabungan Bank	236
29. Cabaran China	239
<i>Lampiran 1: Dilema Genetik Mahathir</i>	245
<i>Lampiran 2: Dasar Mahathir Selepas Pentadbiran Mahathir</i>	252
<i>Bibliografi</i>	256

## Penghargaan

Buku ini tidak akan terbit tanpa bantuan daripada Syed Husin Ali dan Allahyarham Ishak Shari. Faridah Shamsudin daripada Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd telah menguruskan penerbitan ini dan Foo Ah Hiang yang menguruskan persiapan teks akhir untuk dicetak. Wee Chong Hui dan Liew San Yee membantu mengemaskinikan data dalam beberapa jadual.

Ramai kawan lain pernah membantu persiapan buku *M Why?* – yang diterbitkan ketika Tun Dr Mahathir bersara pada Oktober 2003 dan menjadi sumber utama buku ini. Namun, terdapat bahan lain, termasuk empat edisi *Dasar Ekonomi Mahathir*, di samping bahan baru yang memperkayakan buku ini. Sebenarnya, saya tidak teringat semua orang yang pernah membincangkan segala isi kandungan buku ini dalam tiga dasawarsa yang lalu, tetapi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penerbit yang mengizinkan penggunaan bahan yang pernah diterbitkan dahulu.

Walaupun Tun Dr Mahathir telah lama meletak jawatan Perdana Menteri, kesan dasar serta institusi yang diperkenalkannya terus mempengaruhi prestasi ekonomi dan perkembangan masyarakat serta politik Malaysia. Namun, buku ini menganggap warisan dasarnya tidak patut dilihat sebagai sesuatu yang konsisten dan tidak pernah berubah. Malah, kebanyakan pembaharuannya diperkenalkan sebagai langkah menghadapi cabaran besar yang terbaharu, termasuk cabaran politik. Dan walaupun terdapat banyak penyelewengan oleh kunci atau kroninya yang mengambil kesempatan, kepentingan demikian tidak merupakan dorongan tunggal bagi dasar serta institusi yang diperkenalkannya.

Penerbitan buku ini pada awal dasawarsa kedua abad ke-21 Masehi bertujuan memastikan pengajaran daripada pengalaman hitam-putih zaman Mahathir menjadi panduan supaya kita tidak mengulangi kesilapan lalu dan dapat memastikan kemajuan yang adil dan makmur bagi seluruh rakyat Malaysia.

1 Januari 2010



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# 1

## **Pengenalan: Warisan Ekonomi Mahathir<sup>1</sup>**

Pada pertengahan tahun 1981, Mahathir Mohamad telah mengambil alih sebagai Perdana Menteri Malaysia dan juga Presiden UMNO. Mahathir mengambil alih ketika beberapa perkembangan antarabangsa memberi kesan yang besar terhadap ekonomi Malaysia terutama sekali kemelesetan ekonomi antarabangsa dan kejatuhan harga barangan utama. Perbelanjaan awam telah meningkat pada awal tahun 80-an bukan hanya melawan kitaran antarabangsa tetapi juga untuk memenuhi kekurangan pelaburan swasta di dalam dan di luar negeri.

Di bawah pimpinan Mahathir perkembangan perbelanjaan sektor awam terutamanya perusahaan awam bukan kewangan ataupun agensi di luar belanjawan dalam perkembangan amat penting. Lebih daripada Perdana Menteri sebelumnya Mahathir ingin menjadikan Malaysia sebuah negeri industri baru di bawah pimpinan usahawan bumiputera. Dari segi ini Mahathir merupakan seorang nasionalis ekonomi.

Strategi pembangunan Mahathir bukan hanya meniru pihak lain. Walaupun bercanggah tidak selaras dan penuh dengan kekurangan. Dasar-dasar pembangunan ekonomi di bawah pimpinannya merupakan usaha serius dalam keadaan di luar kuasanya untuk memodenkan dan mengubah Malaysia menjadi sebuah negara industri baru. Dasar ekonomi Mahathir nampaknya tidak selaras atas sebab-sebab yang akan dibincangkan kemudiannya. Dasar-dasar ini juga dibatasi oleh tuntutan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, malah selepas tahun 1950 terutamanya usaha mengagih semula kekayaan terutama sekali kepada bumiputera yang mempunyai pengaruh politik.

Dasar-dasar ini diandaikan mencerminkan idea-idea yang sudah disebut ataupun dibicarakan dalam ucapan dan tulisannya lebih awal, terutamanya sekali dalam buku *Delima Melayu* yang amat kontroversi. Di samping kepentingan dan cadangan hartawan yang rapat dengannya, namun demikian Mahathir berjaya mendapat sokongan politik dan sosial yang luas untuk dasar-dasarnya terutamanya terhadap Wawasan 2020. kejayaan Barisan Nasional mendapat undi dalam kalangan kaum bukan bumiputera semenjak tahun 1990 barangkali berasaskan Wawasan 2020 yang kelihatan berbeza daripada DEB sebelumnya.

Maka Mahathir boleh dipertanggungjawab terhadap pembaharuan pembangunan semenjak 1981 termasuk Dasar Pandang ke Timur, perindustrian berat, Persyarikatan Malaysia, penswastaaan dan strategi memulihkan ekonomi mulai September 1998 termasuk kawalan modal. Dasar lain yang juga diambil kira di sini termasuklah dasar mencapai 70 juta penduduk menjelang tahun 2100, kononnya untuk membesarkan pasaran Malaysia daripada 16 juta pada tahun 1984 dan Dasar Pertanian Nasional yang mula diumumkan pada 1984 dan disemak kemudiannya dipinda pada tahun 1993 dan sekali lagi pada 1998.

Dasar perindustrian berat melibatkan campur tangan pemerintah yang lebih dengan perusahaan awam yang membangunkan industri berat yang melibatkan usaha sama antara pengilang Jepun dan Korea dengan kemudahan kredit Jepun dengan kadar bunga yang rendah. Walaupun dasar penduduk Malaysia mempunyai implikasi yang serius misalnya terhadap perkhidmatan sosial dengan nisbah pengantung yang lebih, hubungan dasar ekonominya yang lain kurang jelas. Namun, tidak ada tanda yang jelas bahawa sasaran 70 juta penduduk akan dicapai kerana kadar kelahiran bayi telah menurun dalam kalangan semua penduduk Malaysia termasuk orang Islam. Walaupun Mahathir sendiri terlibat dalam penggubalan Dasar Pertanian Nasional yang cuba memajukan pertanian petani kecil yang lebih mengutamakan pasaran, beliau kurang berminat terhadap sektor ini kemudiannya selain daripada soal bioteknologi.

## DEB dan Warisan Mahathir

Pernyataan Wawasan 2020 yang menggabungkan pelbagai unsur sedia ada serta menambah beberapa unsur lain, secara tidak langsung menyumbang kepada semangat dan keyakinan baharu setelah pulih daripada kemelesetan